

Kerajaan perpaduan tidak tergugat

Oleh AHMAD FADHLULLAH
ADNAN dan MOHD. FADHLI
MOHD. SULAIMAN
utusannews@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Anwar Ibrahim memberi jaminan kerajaan perpaduan tidak tergugat dan akan terus bekerja lebih kuat dalam membangunkan 'Malaysia Madani'.

Menurut Perdana Menteri, dalam sistem demokrasi keputusan pilihan raya sama ada diterima atau tidak, parti harus menghormati keputusan rakyat.

"Kalau ada permasalahan berkaitan perundangan, protes itu dibuat mengikut jalur hukum dan juga peraturan yang ditetapkan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).

"Bagi pihak kerajaan perpaduan, saya ingin beri jaminan terutama kerajaan Persekutuan terus kekal dan kukuh selepas PRN ini, kita akan terus bertungkus-lumus bekerja, berkhidmat sesuai dengan hasrat membangun Malaysia Madani dan dasar ekonomi Madani yang kita umum baru-baru ini," ujarnya.

Beliau berkata demikian ketika berucap selepas mengikuti perkembangan keputusan pilihan



ANWAR Ibrahim bersama pemimpin Pakatan Harapan (PH) dan Barisan Nasional (BN) selepas mengikuti perkembangan keputusan pilihan raya negeri (PRN) di Dewan Tun Hussein Onn, Pusat Dagangan Dunia (WTC) Kuala Lumpur, malam semalam.

han raya negeri (PRN) bersama pimpinan kerajaan perpaduan di Dewan Tun Hussein Onn, Pusat Dagangan Dunia (WTC) Kuala Lumpur, malam semalam.

Jelas Anwar, setelah bertarung dalam PRN kadang-kadang suhunya agak panas tapi

kini waktunya semua rakyat dari semua parti menang atau kalah harus bersilaturahim, menjaga keamanan negara dan menumpukan perhatian menaikkan martabat negara serta membela nasib rakyat.

Sementara itu, Pengerusi

Barisan Nasional (BN), Datuk Seri Dr. Ahmad Zahidi Hamidi berkata, mandat yang diperoleh selepas PRN menjadi asas kepada kebersamaan parti-parti di bawah kerajaan perpaduan untuk terus bekerjasama.

Presiden UMNO itu berkata:

"BN bersama rakan dalam Kerajaan Perpaduan menghormati keputusan PRN yang telah diterjemah oleh rakyat.

"Kini masa untuk kita bersatu hati, bekerja keras demi memastikan perpaduan dipelihara, kestabilan dijaga," ujarnya.